

200 terima Program *Food Bank* Siswa UTM

JOHOR BAHRU 15 April - Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menjadi universiti awam yang kelima di negara ini melaksanakan Program *Food Bank* Siswa bagi memberi manfaat kepada penuntutnya daripada keluarga kurang berkemampuan.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP), Datuk Muez Abd. Aziz berkata, seramai 200 penuntut dikenal pasti daripada keluarga berpendapatan 40 peratus terendah (B40) untuk menerima bantuan makanan.

"*Food Bank* Siswa di UTM akan menggunakan dua konsep iaitu *Food Pantry* yang menyediakan bekalan makanan kering antaranya roti, biskut, minuman pracampuran sebelum diagihkan kepada mahasiswa yang layak.

"Bagi konsep kedua, penuntut akan diberikan makanan yang dimasak seminggu sekali. Makanan ini akan disediakan oleh restoran yang telah terpilih," katanya dalam majlis pelancaran Program *Food Bank* Siswa Malaysia di UTM di sini hari ini.

Terdahulu, majlis pelancaran *Food Bank* Siswa UTM disem-

purnakan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar.

Muez berkata, Program *Food Bank* Siswa sebelum ini dibuka di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Permatang Pauh, Pulau Pinang; Kampus Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Kuala Lumpur; Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang dan Universiti Malaya (UM).

Katanya, program tersebut digerakkan oleh rakan strategik kementerian iaitu Gerakan Pengguna Siswa (GPS) yang bertindak sebagai sukarelawan dan juga penggerak program ini.